

02/04/2003

Al-Jazeera mungkin diperalatkan Amerika

KUALA LUMPUR: Orang ramai dinasihatkan jangan mempercayai sepenuhnya laporan stesen televisyen satelit Al-Jazeera yang kemungkinan besar diperalatkan Amerika Syarikat untuk menyelitkan mesej tertentu di kalangan dunia Arab.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata sekarang ini penonton di dunia Arab mula menghayati laporan Al-Jazeera dan Amerika sedar stesen televisyen satelit yang berpangkalan di Qatar itu adalah satu-satunya saluran untuk meresap niat jahat kuasa besar itu.

"Jika anda perhatikan Al-Jazeera menjadi sumber penting Amerika berkisar kepada kegiatan al-Qaeda. Dalam minggu lalu saja, stesen televisyen ini sudah menemuramah tiga pegawai kanan Amerika selain menjadi satu-satunya saluran di dunia Arab yang menemuramah pegawai Israel.

"Perkara ini turut didedahkan dalam rencana Herald Tribune baru-baru ini. Selepas perang Iraq, Al-Jazeera mungkin digunakan Amerika untuk memperjuangkan demokrasi ala Barat di dunia Arab.

"Saya sudah lama mengesyaki perkara ini. Malah saya sudah memberitahu Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perang media dalam laporan mengenai serangan ke atas Iraq serta pemecatan wartawan veteran Peter Arnett daripada NBC kerana muncul di Televisyen Iraq berikutan kritikkannya terhadap kempen perang Amerika itu.

Zainuddin berkata, Al-Jazeera berpusat di Doha yang juga menjadi pusat operasi tentera Amerika Syarikat dalam kempen perang terhadap Iraq, selain Emir Qatar turut membiayai stesen itu yang kini dikatakan mempunyai 30 juta penonton.

Qatar adalah antara dunia Arab yang sekutu dengan Amerika selama ini dan meskipun tidak bersetuju dengan perang Iraq, ia membenarkan Doha menjadi pangkalan tentera Amerika dan setiap hari pegawai pemerintahnya memberi taklimat perkembangan serangan ke atas Iraq dari markas di situ.

Mengenai pemecatan Arnett yang menjadi terkenal kerana laporannya ketika perang Teluk pertama 1991, Zainuddin berkata, ia adalah satu lagi bukti media Barat tidak mengamalkan kebebasan.

Katanya, Amerika Syarikat yang berhadapan dengan keadaan darurat sekarang sanggup mengekang amalan kebebasan akhbar, malah yang lebih buruk lagi ialah laporan pembohongan serta sanggup menyingkir wartawan yang kononnya tidak memihak kepada mereka.